

ARUS GERAKAN ISLAM DI KALANGAN WANITA
DAN HUBUNGANNYA DENGAN ADAT PERPATIH.
KAJIAN DI DAERAH JEMPOL,
NEGERI SEMBILAN

ROHANI BINTI HAJI DAHARUN

LATIHAN INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
MUDA PENGAJIAN ISLAM DENGAN KEPUJIAN

JABATAN PENGAJIAN DAKWAH DAN KEPIMPINAN
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

SESI 1991 / 1992

BAB I

SEKITAR PERSOALAN GERAKAN ISLAM

1.1 Pendahuluan

Kebangkitan Islam di seluruh pelusuk dunia sekarang telah memperlihatkan bahawa harapan untuk mengembalikan kegemilangan Islam akan menjadi satu kenyataan yang perlu diakui. Walaupun keagungan di zaman Rasulullah s.a.w berbeza dengan pencapaian yang ada sekarang ini namun tidak dapat dinafikan bahawa proses Islamisasi terus wujud di kalangan masyarakat.

Perjuangan untuk menegakkan risalah Allah s.v.t. di muka bumi ini memerlukan pengorbanan dan kesungguhan dari semua pihak. Malaysia, dalam konteks sebuah negara yang turut mengakui bahawa Islam adalah agama rasmi negara, tidak terlepas daripada mengalami era kebangkitan Islam yang ingin dihayati oleh masyarakatnya.

Menyentuh tentang melaksanakan penyelesaian Islam secara total dalam bentuk pembinaan masyarakat

1
Setelah mencapai kemerdekaan, agama Islam telah dicatat sebagai agama Persekutuan mengikut Perlembagaan Persekutuan, - Perkara 3 (1). Ini tidak semestinya menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

Islam dan membangunkan pemerintahan Islam serta mengembalikan kehidupan di dalam suasana Islam yang sebenar, maka perlulah wujud suatu harakah Islamiah yang sedar tentang tanggung jawab mengajak manusia kepada Islam yang sempurna, menyediakan tenaga kerja yang cukup serta mendapat sokongan padu dari para penyokongnya.

Penyelesaian Islam mestilah didahului dengan suatu amal Islami yang bersifat jamaie berdasarkan kepada perencanaan yang rapi dan tersusun baik. Untuk membolehkan agama Islam dapat bertapak dan diamalkan sebagai satu cara hidup, khususnya di Malaysia, maka satu gerakan Islam dalam bentuk organisasi yang mantap amat diperlukan.

1.2 Definisi Gerakan Islam

Apa yang dimaksudkan dengan gerakan Islam bukanlah hanya gerakan al-Ikhwan al-Muslimin di Mesir yang dianggap sebagai induk kepada seluruh gerakan Islam di dunia hari ini. Gerakan Islam ialah satu gerakan keseluruhan yang mengutamakan pembentukan kesatuan amal Islami secara berjemaah tanpa mengira batas geografi.

Gerakan Islam hanya akan wujud apabila anggotanya berada dalam satu suasana Jamaah Muslimin (جماة المسلمين). Walaupun pada dasarnya sekarang ini tidak ada satu pun jamaah yang sempurna dan lengkap yang

boleh diiktiraf sebagai Jamaah Muslimin mengikut pengertian syarak, jamaah seperti al-Ikhwan al-Muslimin dan Tabligh adalah termasuk sebagai sebahagian dari kategori jamaah Islam ¹.

Menurut Prof. Dr. Yusuf Qardawi, pengertian umum gerakan Islam ialah jamaah yang bekerja memperbaharui agama, yang bertujuan menjadikan syariat Islam sebagai hukum serta menyedarkan umat tentang tuntutananya, berusaha mengembalikan kegemilangan umat yang memperlihatkan ketika itu sebagai pemandu dalam segala aspek kehidupan sama ada dari segi iktikad, ibadah, akhlak, pemikiran, perasaan, perancangan, arahan mahupun dari segi perundangan, kehakiman dan pemerintahan ².

Gerakan Islam atau harakah Islamiah adalah suatu gerakan yang menyeluruh di mana ia membawa satu konsep perjuangan yang lengkap bagi seluruh bidang kehidupan manusia, sesuai dengan Islam sebagai satu sistem hidup yang sempurna. Dengan perkataan lain, ia merupakan satu revolusi terhadap sistem dan pemikiran asabiyyah dalam

¹ Husain bin Muhsin bin Ali Jabir, al-Tariq Ila Jama'ah al-Muslimin, (Kuwait: Dar al-Da'wah, 1984), cetakan pertama, hlm. 25 - 33.

² Yusuf al-Qardawi, Di Manakah Kepincangan Umat Islam Kini, terj: Mohd. Fakhruddin bin Abdul Mukti, (Shah Alam: Penerbitan Hizbi, 1990), hlm. 30.

segala bentuk untuk membangunkan satu sistem baru iaitu
Islam .

Sebenarnya gerakan Islam yang didokong oleh
jamaah Islam perlu mempunyai beberapa sifat yang kedua-
duanya memiliki fungsi yang sama seperti apa yang dije-
laskan oleh Husain bin Mohsin bin Ali Jabir :

لَنْ جَمَاعَةَ الْمُسْلِمِينَ جَمَاعَةُ أَهْلِ الْعَقْدِ
وَلِكُلِّ إِذَا اجْتَمَعُوا عَلَى خَلِيفَةٍ لِلْإِمَامَةِ
تَبِعُوا

- i) Jamaah itu dibina oleh kumpulan orang Islam
yang didokong oleh seorang pemimpin.
- ii) Jamaah yang didokong oleh ulama mujtahidin.
- iii) Jamaah yang didokong oleh sahabat-sahabat
Rasulullah s.a.w yang diikuti oleh generasi
selepasnya.

Ustaz Yahya Othman telah memberikan pengertian
gerakan Islam itu sebagai:

Gerakan Islam ialah pertubuhan atau
jamaah atau parti yang dianggotai oleh
orang-orang Islam dan dikendalikan oleh
mereka yang mengikat dirinya dengan

¹ Fadhil Mohd. Nor, PAS dan Cabaran Kehidupan
Moden, (Kuala Lumpur: Jab. Penerangan, Penyelidikan dan
Dakwah PAS Pusat, 1991), hlm. 25 - 26.

² Husain bin Muhsin bin Ali Jabir, Al-Tariq Ila
Jama'ah al-Muslimin, hlm. 25 - 26.

akidah Islamiah dan kaedah Islamiah yang telah ditulis dalam undang-undang dasarnya (perlembagaannya) bahawa al-Quran dan al-Sunnah adalah pegangan asasinya dalam semua aspek hidup seperti kemasyarakatan, pemerintahan, perekonomian, pendidikan dan lain-lainnya dan tidak pula menumpukan perhatian kepada satu sudut sahaja daripada sudut-sudut kehidupan manusia. 1

Maka jelaslah bahawa gerakan Islam itu perlu bertunjangkan prinsip Islam sejagat yang dapat membina keutuhan ummah di mana ia adalah sebaik-baik alternatif bagi mencorak kehidupan masyarakat dan mampu menandingi ideologi-ideologi ciptaan manusia di dalam menangani permasalahan umat masa kini.

1.2.1 Ciri-Ciri Umum

Setiap pertubuhan atau jamaah Islamiah yang dibina itu sudah semestinya mempunyai ciri-ciri yang tertentu. Ciri-ciri jamaah Islamiah sebenarnya telah ditentukan oleh Allah dan RasulNya.

Menurut Harun bin Taib² antara ciri-ciri umum yang perlu ada pada jamaah Islamiah ialah:

¹ Yahya Othman, Usrah Sebagai Tunjang Kepada Tarbiah Gerakan Islam, Kertas Kerja, (Kota Bharu: 6hb. September 1985), hlm. 1.

² Harun bin Taib, Berbilang-bilang Jamaah, Sebab-sebab dan Beberapa Saranan Untuk Mengatasinya, (Kuala Trengganu: Pustaka Sinaran, t. th), hlm. 99 - 112.

- 1) Jamaah yang meyakini bahawa Islam adalah kekuatan yang dapat membangun semua ummah, dapat membebaskan semua golongan lemah dan menyelamatkan dunia dari kehancuran.
- ii) Jamaah yang lahir di atas kesedaran sendiri, tidak dipengaruhi oleh mana-mana golongan tetapi didasarkan atas tuntutan al-Quran dan al-Sunnah.
- iii) Jamaah yang memperjuangkan Islam secara menyeluruh bersesuaian dengan firman Allah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا ادْخُلُوا فِي السِّلْمِ
كَافَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ
إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ¹

Wahai orang-orang yang beriman, masuklah kamu semua ke dalam agama Islam dengan mematuhi segala hukum-hukumnya dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh kamu yang nyata.

- iv) Jamaah yang tidak melupai wadah perjuangan yang bersifat terbuka yang boleh menyatukan para anggotanya pada prinsip dan dasar sekalipun mereka berbeza di dalam masalah furu'.
- v) Jamaah yang berjuang secara amali, tidak hanya teori sahaja di samping turun ke medan bukan hanya di tempat-tempat tertentu.

Walaupun banyak ciri-ciri yang perlu ada pada mana-mana pihak yang mengakui bahawa ia adalah sebuah gerakan Islam tetapi dalam perlaksanaan apa yang telah digariskan itu masih mempunyai banyak kelemahan dan terpaksa menghadapi berbagai halangan dan rintangan.

Terdapat dalam negara ini bermacam-macam jamaah yang mengisytiharkan jamaah mereka sebagai gerakan Islam yang bersifat khusus iaitu menekankan satu aspek sahaja seperti dalam bidang politik, tarbiah, ekonomi dan lain-lain lagi. Apa yang nyata masing-masing cuba melakukan berbagai perubahan bagi memperbaiki kepincangan umat Islam kini.

Al-Quran sendiri menjelaskan agar umat Islam itu berada di dalam satu saf perjuangan bagaikan satu bangunan yang teguh tetapi realiti seperti ini tidak berlaku di kalangan masyarakat di negara kita. Kewujudan berbilang-bilang jamaah merupakan fenomena yang membawa berbagai kesan positif dan negatif. Jelasnya, situasi ini menjadikan umat Islam berpecah bersama pandangan mereka yang sukar disatukan.

1.2.2 Keperluan Dan Cabaran

Peranan insan di dalam kehidupan ini adalah besar sekali kerana mereka memikul tugas sebagai khalifah di muka bumi ini iaitu membangunkan kehidupan

sebagai satu tanggungjawab. Islam tidak melihat kepada golongan tertentu dalam melaksanakan amanah Allah s.w.t ini khususnya dalam menghadapi kemelut dan kepincangan umat Islam itu sendiri.

Adalah jelas bahawa gerakan Islam perlu ada dalam setiap negara dan gerakan ini bertanggungjawab membentuk angkatan atau generasi yang bersedia menerima dan kembali kepada hukum Islam seterusnya menegakkan negara Islam. Firman Allah s.w.t:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ
يَأْمُرُونَ بِالْعُرْفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ¹

Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan sebahagian mereka adalah menjadi penolong bagi yang lain, mereka menyuruh mengerjakan yang makruf dan mencegah yang mungkar.

Realiti yang berlaku hari ini ialah gerakan Islam itu sebenarnya memang diperlukan untuk membolehkan ia beroperasi di tengah suasana persekitaran yang tidak mengizinkan Islam menonjolkan kebenarannya dengan bebas lebih-lebih lagi untuk menyatu padukan umat Islam seluruhnya dengan pendekatan Islam yang tersendiri.

Pada masa sekarang, gerakan Islam sering menjadi sasaran sebagai pihak yang bertanggungjawab terhadap

segala masalah yang dihadapi oleh umat Islam seperti kesesatan, peperangan dan penyelewengan. Keadaan sentiasa meruncing di mana gerakan Islam sering menerima berbagai tentangan, ancaman dan halangan dari pihak yang tidak mahu Islam itu dinajukan sebagai satu sistem hidup.

Di Malaysia, tidak dinafikan bahawa kesedaran terhadap perlaksanaan Islam telah wujud tetapi ia hanya diterjemahkan di dalam bentuk furu' mengikut apa yang dirasakan perlu dan bukan dalam bentuk yang menyeluruh. Oleh itu perjuangan untuk merealisasikan kehidupan Islam perlu diteruskan oleh gerakan Islam kerana telah disedari tentang adanya beberapa pihak tertentu yang sukar menerima pandangan dari gerakan Islam terutamanya yang bersifat parti politik.

Kewujudan berbagai jamaah di negara kita yang menjadikan Islam sebagai asas perjuangan masih boleh dikatakan sebagai organisasi yang banyak memberikan sumbangan di dalam gerakan Islam. Walaupun cara dan arah yang dibawa agak berlainan antara satu dengan lain seperti dalam bidang politik oleh Parti Islam Se Malaysia (PAS), dalam bidang ilmu dan pendidikan oleh Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan lain-lain, namun pergerakan ini masih belum mampu menjadikan Islam sebagai satu alternatif untuk dijadikan contoh menyeluruh.

Jamaah Islam yang dibina atas kekuatan mental dan fizikal para pendokongnya memang tidak dapat mengelakkan diri daripada menghadapi berbagai masalah sama ada dari dalam atau luar jamaah itu sendiri.

Gerakan Islam akan sentiasa berhadapan dengan cabaran semasa khususnya dalam menghadapi tentangan daripada pihak yang tidak mahu melihat Islam itu menjadi cara hidup mereka.. Bukan suatu yang mudah untuk menyeru seluruh umat kembali menghayati Islam kerana sesuatu yang baik itu banyak menghadapi tentangannya.

Rasulullah s.a.w sendiri menghadapi berbagai ujian dan halangan sewaktu menyebarkan risalah dakwahnya di kalangan kaum baginda. Hal ini dijelaskan oleh Allah s.v.t di dalam al-Quran dalam firmanNya:

لَوْ كَانَ عَرَضًا قَرِيبًا وَسَفَرًا قَاصِدًا
لَاتَّبَعُوكَ وَلَكِنْ بَعَدَتْ عَلَيْهِمُ
الشَّجَرَةُ وَسَيَعْلَمُونَ بِاللَّهِ لَوْ
اسْتَطَعْنَا لَخَرَجْنَا مَعَكُمْ
يَعْلَمُونَ أَنْفُسَهُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ أَعْمَلَهُمْ
تَكْذِبُونَ¹

Kalau ada keuntungan yang dekat dan perjalanan yang sederhana, sudah tentu mereka mahu mengikuti engkau tetapi perjalanan itu bagi mereka terasa amat jauh dan mereka bersumpah dengan nama Allah, "Kalau kami sanggup tentulah kami

berangkat bersama kamu". Mereka membina-
sakan dirinya sendiri dan Allah mengeta-
hui bahawa mereka adalah orang-orang yang
dusta.

Apa yang perlu dilakukan oleh gerakan Islam
khususnya di negara kita ialah bersama-sama menangani
permasalahan ummah walaupun terdapat perbezaan cara
berfikir antara satu dengan lain. Perkara yang penting
ialah cara bertindak yang seiring dan selari.

Untuk mencapai matlamat perjuangan gerakan
Islam, bukanlah satu perjalanan yang mudah dan dekat.
Sesuatu kebaikan itu amat sukar untuk dicapai. Untuk
memperolehinya sesebuah jamaah Islam itu memerlukan
anggota yang mempunyai semangat juang yang tinggi serta
bersedia untuk melakukan pengorbanan yang besar. Islam
tertegak di bumi ini bukan melalui senyuman tetapi
dengan titisan peluh, darah dan air mata para
pejuangnya.

Maka jelaslah bahawa setiap pejuang Islam perlu
berada di dalam satu jamaah yang bersifat haraki untuk
membolehkan terbinanya sebuah masyarakat Islam yang
diredhai Allah dan gerakan Islam itu pula mampu dan
sentiasa bersedia berhadapan dengan isu-isu semasa yang
kian canggih dewasa ini. Keperluan berada dalam satu
jamaah telah dihuraikan oleh Rasulullah s.a.w dalam
sabda baginda:

حدثني محمد بن المثنى، حدثنا الوليد بن مسلم، حدثنا عبد الرحمن بن يزيد بن جابر، حدثني بسر بن عبيد الله المحضري؛ أنه سمع أبا إدريس الخولاني يقول؛ سمعت حذيفة بن اليمان يقول؛ كان الناس يسألون رسول الله ﷺ عن الخير، وكنت أسأل عن الشر، خافة أن يدركني، فقلت؛ يا رسول الله؛ إنا كنا في جاهلية وشر، فجاءنا الله بهذا الخير، فهل بعد هذا الخير شئ؟ قال «نعم» فقلت؛ هل بعد ذلك الشر من خير؟ قال «نعم». وفيه دخن، قلت؛ وما دخنه؟ قال «قوم يستنون بغير سنتي، ويهدون بغير هديي، تعرف منهم وتنكر». فقلت؛ هل بعد ذلك الخير من شر؟ قال «نعم، دعاة على أبواب جهنم، من أجابهم إليها قذفوه فيها» فقلت؛ يا رسول الله صفهم لنا، قال «نعم، قوم من جلدتنا، ويتكلمون بألسنتنا» قلت؛ يا رسول الله؛ فما ترى إن أدركني ذلك؟ قال «تلتزم جماعة المسلمين وإمامهم» فقلت؛ فإن لم تكن لهم جماعة ولا إمام؟ قال «فاعتزل تلك الفرق كلها، ولو أن تعض علي أصل شجرة، حتى يدركك الموت، وأنت على ذلك»¹

¹ Abī Husaīn Muslim bin al-Hajjāj al-Qushairī al-Naisabūrī, *Sahih Muslim*, 5 Juzuk (Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyah, t.th.), Kitab al-Imarah bab Wujūb Mulāzimah Jama'ah al-Muslimīn inda al-ḏuhūr al-fatān wa fī kullī hāl, juzuk 3, hlm. 1475-1476.

Dari Huzaifah Ibnu al-Yamani r.a katanya: Biasanya orang banyak bertanya kepada Rasulullah s.a.w tentang kebajikan. Tetapi aku bertanya kepada baginda tentang kejahatan, kerana aku takut kejahatan itu menimpaku. Lalu aku bertanya: Ya Rasulullah! Kami dahulu berada di dalam kejahilan dan kejahatan, kerana itu Allah menurunkan kebaikan (agama) ini kepada kami. Mungkinkah sesudah ini timbul lagi kejahatan? Jawab Rasulullah s.a.w "tentu". Tanyaku, sesudah itu mungkinkah datang lagi kebaikan? Jawab Nabi s.a.w, "Ya tetapi sudah cacat!". Tanyaku apa cacatnya? Jawab Nabi s.a.w, "Suatu kaum membuat peraturan di luar sunnahku dan memimpin tanpa hidayahku. Engkau mengerti kebijaksanaan mereka dan tidak menyukainya". Tanyaku, sesudah kebaikan itu, timbul lagikah kejahatan? Jawab baginda, "Ada iaitu orang yang selalu memanggil di pintu neraka." Tanyaku ya Rasulullah, tunjukkanlah kepada kami ciri-ciri mereka. Nabi menjawab, "Baik! iaitu orang yang kulitnya sama dengan kita (mengaku beragama Islam) dan mereka berbicara memakai lidah (hadis) kami. Tanyaku, Bagaimana petunjukmu seandainya aku menemui hal yang sedemikian? Jawab Nabi s.a.w, "Tetaplah kamu bersama jamaah Muslimin dan iman (pemimpin)." Tanyaku, jika tidak ada jamaah dan iman? Jawab baginda, "Tinggalkanlah kumpulan itu semuanya sekalipun engkau akan memakan akar-akar kayu, namun engkau tetapkanlah pendirian itu."

1.3. Lokasi Kajian Dan Latar Belakang Masyarakat

1.3.1 Daerah Jempol, Negeri Sembilan:

Satu Pengenalan Umum

Daerah Jempol merupakan satu daerah yang terbesar di antara tujuh buah daerah di Negeri Sembilan. Keluasannya meliputi 342,500 ekar atau 138,606 hektar

iaitu kira-kira 20.8% daripada keluarga¹ dari sembi-
 lan. Jempol mula diiktiraf sebagai sebuah daerah pada
 tahun 1980¹.

Daerah ini terdiri daripada 5 buah mukim iaitu:

<u>Mukim</u>	<u>Keluasan (ekar)</u>
Jelai	46,690
Serting Hilir	63,959
Serting Ulu	78,669
Rompin	142,849
Kuala Jempol	10,333

Daerah ini² juga terdiri daripada beberapa jenis
 perkampungan seperti yang terdapat dalam senarai
 Jadual I.

Jadual I: Bilangan Kampung Dan JKKK Daerah Jempol

Bilangan kampung	46
Kampung Baru	5
Kampung Orang Asli	9
Rancangan FELDA	37
Estet	17
Bilangan JKKK	31

¹
 Sumber dari Pejabat Daerah Jempol

Berdasarkan kajian bancian penduduk 1986, jumlah penduduk Daerah Jempol ialah seramai 82,701 orang. Mengikut sumber tidak rasmi Pejabat Daerah Jempol, bancian terbaru pada tahun 1991, menunjukkan anggaran penduduk berjumlah 115,000 orang yang terdiri daripada berbagai kaum. Berdasarkan andaian yang dibuat, penduduk Daerah Jempol dijangka meningkat kepada 178,000 orang pada tahun 2000. Dari jumlah tersebut, masyarakat Melayu dianggarkan sekitar 55% dan bukan Melayu 45%.

Jadual II: Andaian Penduduk Daerah Jempol Tahun 2000

Kaum	Bilangan	Kadar Pertambahan	% dari jumlah
Melayu	98,400	5.0 %	55.1
Cina	51,000	3.3 %	28.8
India	28,600	3.5 %	16.1
Jumlah	178,000	4.0 %	100.0

Di antara sebab utama pertambahan penduduk yang pesat ini ialah kerana kemasukan peserta-peserta ke tanah rancangan FELDA yang pada masa ini menjadi hampir 40 % daripada seluruh penduduk Daerah Jempol. Walaupun penduduknya terdiri dari berbagai kaum, suasana kehidupan masyarakatnya tenteram. Penempatan penduduk boleh

dikategorikan mengikut kaum iaitu orang Melayu di kampung-kampung dan Tanah Rancangan FELDA, orang Cina di pekan-pekan dan orang India di estet-estet.

Jadual III: Taburan Penduduk Mengikut Kepercayaan Agama
Tahun 1980

Agama	Melayu	Cina	India	Lain-Lain
Islam	30,760	30	286	1
Kristian	6	242	297	30
Hindu	4	44	11,563	15
Budha	4	12,885	96	2
Confucius/Tao	2	9,016	9	1
Agama suku kaum	857	2	1	-
Lain-lain agama	-	20	143	-
Tiada agama	3	696	7	1
Jumlah	31,438	22,935	12,402	50

Kemudahan infrastruktur amat penting di dalam usaha meningkatkan taraf hidup penduduk di satu-satu kawasan. Setakat ini, Daerah Jempol mempunyai sepanjang 31,669 km. jalan yang telah diturap dengan tar. Dari segi kemudahan-kemudahan lain pula, daripada sejumlah 71 kawasan perkampungan (estet, kampung tradisional, kampung baru dan kawasan FELDA) hanya 39 kawasan

perkampungan sahaja yang mempunyai kemudahan bekalan air, 45 kawasan perkampungan mempunyai kemudahan elektrik dan 41 kawasan perkampungan mempunyai kemudahan telefon awam¹.

Pada umumnya, kemudahan sosial seperti sekolah, masjid, balai raya dan rumah ibadat di sebahagian besar kawasan adalah mencukupi untuk menampung keperluan semasa. Kemudahan lain seperti hospital, klinik, balai polis dan devan orang ramai masih lagi kekurangan.

1.3.2 Latar Belakang Masyarakat Adat Perpatih

Di Asia Tenggara, mengikut sejarahnya, hanya terdapat sebilangan kecil kelompok masyarakat yang mengira kekeluargaan melalui wanita. Antaranya ialah masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan dan masyarakat Minangkabau di Sumatera Barat. Kelompok-kelompok Adat Perpatih di Negeri Sembilan boleh didapati di Daerah Tampin, Jelebu, Rembau dan Kuala Pilah. Mereka ini telah diasaskan oleh perantau-perantau yang datang dari Tanah Minangkabau².

¹

Sumber dari Pejabat Daerah Jempol.

²

Azizah Kassim, Wanita dan Masyarakat. (Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., 1985), hlm. 46.

Oleh sebab masyarakat Daerah Jempol juga tidak terlepas dari unsur amalan Adat Perpatih, maka penulis merasakan amat perlu diambil kira pengaruh Adat Perpatih khususnya tentang kedudukan kaum wanita dari segi ikatan adat dan agama.

Masyarakat Daerah Jempol kebanyakannya tertumpu di kawasan Tanah Rancangan FELDA. Namun begitu, tidak semua peneroka Tanah Rancangan ini terdiri daripada anak vatan Negeri Sembilan. Ramai daripada mereka merupakan pendatang dari luar Negeri Sembilan seperti Johor, Melaka, Pahang dan lain-lain negeri di Malaysia. Kesimpulan masyarakat FELDA di Daerah Jempol bukan semuanya terdiri daripada anak-anak tempatan yang mengamalkan Adat Perpatih. Sebaliknya terdapat juga di kalangan mereka yang berhijrah ke daerah ini mengamalkan Adat Temenggong.

Sehingga sekarang, kebanyakan kampung-kampung tradisi seperti Batu Kikir, Juaseh, Kuala Jempol, Serting Ulu, Serting Hilir dan Kampung Savah Lebar didiami oleh golongan tua. Kebanyakan anak-anak mereka telah berhijrah ke tempat lain sama ada menjadi peneroka atau bekerja di bandar-bandar luar dari Negeri Sembilan.

Jelasnya, terdapat perbezaan tahap perkembangan corak kehidupan antara perkampungan tradisi dan tanah rancangan. Golongan tua yang tinggal di kampung-kampung

masih berpegang kepada amalan Adat Perpatih dan berusaha¹ untuk mempertahankannya. Generasi muda pula, khususnya yang berumur antara 12 hingga 30 tahun, hanya mengetahui Adat Perpatih pada nama sahaja. Mereka kurang berminat untuk mengkaji atau mengamalkan adat tersebut.

Amalan adat telah jauh berbeza antara dahulu dan sekarang. Ini memperlihatkan seolah-olah Adat Perpatih hanya akan menjadi lagenda sejarah pada suatu masa kelak. Walaupun masih ada usaha-usaha untuk menghidupkan adat tersebut, ia hanya dari segi perlantikan undang, buapak dan ketua adat sahaja. Amalan di dalam satu bentuk yang gemilang yang didokongi oleh seluruh lapisan masyarakat Negeri Sembilan suatu masa dahulu, mungkin hanya dihidupkan melalui bahan-bahan bacaan dan seminar-seminar sahaja.²

1. Tidak semua golongan tua mengetahui apa sebenarnya Adat Perpatih. Mereka hanya mengikut apa yang dikatakan oleh orang lain secara turun-temurun tanpa mempunyai ilmu pengetahuan mengenai adat itu sendiri. Apabila ditanya tentang perlaksanaan Adat Perpatih, mereka mengakui tidak mengetahui sepenuhnya tetapi mendapat maklumat dari segi amalan sistem buapak, suku, upacara nikah kahwin dan pembahagian tanah pusaka/tanah adat.

2. Temubual dengan Puan Siti Mayang Abd. Ghani, Setiausaha Muslimat PAS Cawangan Setapak Jaya di Markaz Tarbiah PAS Pusat, Taman Melevar pada 26 Januari 1992. Beliau berasal dari Rembau, Negeri Sembilan.